

14 NOV 1999

Mahathir-Tumpuan

KEMPEN BN TUMPU EMPAT NEGERI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) memberi tumpuan kempen untuk pilihan raya umum ke-10 ini terhadap empat negeri - Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sebab di sana, fitnah dilemparkan di kalangan orang kampung dan di negeri-negeri ini terdapat banyak orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kepada lebih 15,000 anggota pergerakan Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata kebanyakan mereka begitu percaya kepada orang yang pada pendapat mereka adalah ulama.

Sedangkan mereka yang menggelarkan diri mereka ulama itu menggunakan kedudukan itu untuk mengelirukan rakyat.

"Umpamanya mereka (pembangkang) berkata tuhan mencarut, benda itu tak benar, tetapi kerana yang mengatakan itu ulama, mereka percaya. Jika saya pula berkata fitnah itu lebih buruk daripada membunuh dan ia memang ada tertulis dalam Al Quran, tetapi disebabkan itu saya yang kata, mereka (buat) tak tahulah," katanya.

Perdana Menteri berkata BN akan menggerakkan seluruh jenteranya termasuk pergerakan Pemuda dan Wanita untuk menjelaskan tentang kedudukan perkara yang sebenar mengenai fitnah-fitnah ini.

Beliau juga akan menemui ketua-ketua perhubungan negeri dan pemimpin komponen parti untuk mendengar taklimat mereka, mulai esok.

Mengenai spekulasi dalam akhbar bahawa beberapa menteri besar akan digugurkan, Dr Mahathir berkata: "Biasanya orang membuat macam-macam spekulasi dan itu hanya spekulasi... macam mana saya hendak beri komen...tunggulah hari penamaan calon."

Mengenai sama ada terdapat muka baru dalam BN untuk pilihan raya 29 Nov ini, beliau berkata itu memang perkara biasa pada setiap kali pilihan raya.

Apabila ditanya tentang desas-desus yang menyatakan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali akan bertanding pada pilihan raya ini dan menjadi Menteri Besar Kedah, Perdana Menteri berkata setiap orang bebas membuat spekulasi.

"Nama-nama calon sudah ada tetapi belum diputuskan lagi dan saya hendak dengar pendapat ketua-ketua perhubungan negeri dan ketua-ketua parti dulu," katanya

-- BERNAMA

HT RON